

# Pelaksanaan Pembelajaran Jarak Jauh dan Pembelajaran Atas Talian

## Jom Kenali Mahasiswa OKU dan Keperluan Mereka:


**OKU Mental**



### Definisi

Seseorang yang telah disahkan mengalami ketidakupayaan mental oleh Pakar Psikiatri atau Pegawai Psikologi Klinikal. Ketidakupayaan mental merujuk kepada masalah yang berkaitan perasaan atau fikiran atau kognitif yang di luar julat normal, sehingga melibatkan gangguan kepada fungsi normal seseorang individu dalam menjalankan aktiviti harian atau penampilannya dan perangnya atau menjalankan tanggungjawabnya sebagai pelajar.

Ketidakupayaan mental boleh dikategorikan kepada Mood Disorder, Anxiety Disorder, Psychotic Disorder, dan Organic Mental Disorder.



### Amalan terbaik Pelaksanaan PdPc

- 1 Tugas pembelajaran perlu dipecahkan kepada segmen-segmen kecil, "one step at one time".
- 2 Pensyarah digalakkan menyediakan teaching video atau audio untuk pelajar ulang siar pembelajaran.
- 3 Pensyarah memberi ruang/masa khusus kepada pelajar OKU Mental selepas waktu pembelajaran.
- 4 Pensyarah menyediakan kaedah pengajian jarak jauh secara "offline" dan "online".



### Cabaran yang dihadapi

- Perasaan malu untuk tampil mendapatkan bantuan kerana stigma masyarakat menganggap pesakit mental sebagai 'gila'.
- Sukar untuk mengadaptasi dengan peralihan kaedah pembelajaran (bersemuka kepada atas talian).
- Menghadapi masalah di dalam pengurusan diri, masa dan persekitaran pembelajaran.
- Tidak dapat menyiapkan tugas pada kadar waktu yang ditetapkan.
- Tidak dapat memberi tumpuan penuh ketika di dalam sesi pembelajaran.
- Kerap kali tidak hadir ke sesi pembelajaran atau peperiksaan kerana gangguan fikiran dan serangan mood yang tidak boleh dikawal.
- Sukar dan lambat untuk memahami sesuatu topik akibat kesan pengambilan ubat, kemurungan atau psikosis.
- Memberi respon yang tidak sesuai atau janggal.



### Cadangan penilaian kursus

Penilaian Bertulis (Written Assessment) 1

Penilaian Kendiri (Self-based Assessment) 2

Penilaian Individu (Individual Assessment) 3

